



Peranan MAIPs Dalam Memperkasa Kesejahteraan Sosial Masyarakat Negeri Perlis: Kajian Skim Agihan Baik Pulih Dan Rumah Baru Asnaf

Agihan
Zakat

46

The Role of MAIPs In Empowering The Social Well-Being of The Perlis Community: A Study on The Repair Distribution Scheme/Asnaf New House

Submitted: 3 March 2025

Revised: 29 April 2025

Accepted: 30 April 2025

E-Published: 30 April 2025

MUHAMMAD FAIRUZ A. ADI

(Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)
Universiti Islam Selangor (UIS), Bangi Selangor
m.fairuz@uis.edu.my

Nur AFIFAH FADZIL

MOHD FARKHI AZMAN

Fakulti al-Quran dan Sunnah
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin
(UniSIRAJ)
nurafifahfadzil@kuips.edu.my
farkhiazman@kuips.edu.my

NUR IYLIA MOHD NOR BE

Pusat Bahasa dan Pengajian Umum
Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin
(UniSIRAJ)
nuriylia@kuips.edu.my

ABSTRAK

Rumah sangat penting sebagai tempat perlindungan, kawasan selamat dan kestabilan emosi kepada penghuni serta melindungi dari cuaca dan bahaya. Selain itu, rumah juga menjadi tempat membina keluarga, menjalinkan hubungan erat, mendidik anak-anak, serta menyokong kesejahteraan sosial dan keseimbangan kehidupan. Realiti kehidupan masa kini, bukan semua peringkat masyarakat mampu menyediakan rumah sebagai tempat berlindung. Oleh yang demikian terdapat agensi tertentu yang menyediakan skim bantuan bantuan khas untuk golongan yang memerlukan. Di negeri Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) merupakan agensi yang aktif menyediakan bantuan perumahan kepada golongan memerlukan menerusi skim pengagihan zakat. Kajian ini meneliti peranan MAIPs dalam memperkasa kesejahteraan sosial masyarakat menerusi Skim Agihan Baik Pulih dan Rumah Baru Asnaf di negeri





Perlis. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan, tinjauan literatur, dan temubual berkelompok bersama pegawai MAIPs yang terlibat dalam proses pengurusan skim bantuan ini. Hasil kajian menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah bantuan rumah baik pulih dan rumah baru dari tahun 2020 hingga 2024, dengan peruntukan kewangan yang semakin meningkat bagi menampung permintaan yang bertambah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa skim ini bukan sahaja membantu menyediakan tempat tinggal yang selamat dan selesa kepada golongan asnaf, tetapi juga meningkatkan taraf hidup. Secara keseluruhan, MAIPs memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan sosial masyarakat melalui pengagihan zakat yang sistematik dan berkesan.

Kata Kunci: Bantuan Rumah, Asnaf, MAIPs, Kesejahteraan Sosial, Agihan Zakat

ABSTRACT

A house is essential as a place of shelter, providing security and emotional stability to its occupants while also protecting them from weather conditions and potential hazards. Additionally, a house serves as a space for family-building, fostering strong relationships, educating children, and supporting social well-being and work-life balance. In reality, not all segments of society can afford adequate housing. Consequently, certain agencies offer special assistance schemes for those in need. In the state of Perlis, the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) is an active agency providing housing assistance to the underprivileged through the zakat distribution scheme. This study examines the role of MAIPs in enhancing social well-being through the Distribution Scheme for Housing Repairs and New Homes for Asnaf in Perlis. A qualitative approach was employed, incorporating content analysis, literature review, and focus group interviews with MAIPs officials involved in managing this assistance scheme. The findings indicate a significant increase in the number of housing repair and new home assistance from 2020 to 2024, with a corresponding rise in financial allocations to meet growing demand. The study also reveals that this scheme not only provides safe and comfortable housing for the asnaf community but also improves their overall standard of living. Overall, MAIPs plays a crucial role in ensuring social well-being through a systematic and effective zakat distribution mechanism.

Keywords: Housing Aid, Asnaf, MAIPs, Social Well-Being, Zakat Distribution

PENGENALAN

Rumah merupakan keperluan asas bagi setiap keluarga kerana ia bukan sahaja memberi perlindungan daripada cuaca dan bahaya, tetapi juga menjadi tempat untuk berkumpul, berehat, dan menjalinkan hubungan yang erat antara ahli keluarga. Selain itu, rumah menyediakan persekitaran yang selesa dan selamat untuk membesarkan anak-anak serta mendidik mereka dengan nilai-nilai murni. Sebuah rumah yang harmoni juga dapat memberi ketenangan emosi dan kestabilan dalam kehidupan seharian, menjadikannya asas kepada kesejahteraan sosial sesebuah keluarga.



Rumah bantuan asnaf merupakan salah satu inisiatif penting dalam sistem kebajikan Islam yang bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa dan selamat bagi golongan yang memerlukan terutama golongan asnaf. Asnaf, yang merujuk kepada lapan golongan yang layak menerima zakat seperti fakir, miskin, amil, muallaf, dan lain-lain, sering menghadapi masalah kekurangan tempat tinggal yang mencukupi. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah memainkan peranan yang aktif dalam membantu golongan asnaf, khususnya melalui program bantuan rumah. Program ini bukan sahaja bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa, bahkan untuk memastikan kesejahteraan hidup mereka selaras dengan prinsip *Maqasid* Syariah khususnya dalam konteks melindungi nyawa, harta, dan keturunan. Artikel ini membincangkan tentang skim agihan baik pulih/rumah baru yang disediakan oleh pihak MAIPs menurut data lima tahun terkini iaitu tahun 2020-2024.

PENYATAAN MASALAH

Walaupun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah memperkenalkan Skim Agihan Baik Pulih Rumah dan Rumah Baharu untuk golongan asnaf di Perlis, persoalan timbul tentang keberkesanan program ini dalam memperkasakan kesejahteraan sosial penerima. Peningkatan terhadap bantuan perumahan dan kenaikan kos pembinaan turut mencabar kecekapan serta kelestarian agihan zakat. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk meneliti Skim Agihan Baik Pulih Rumah dan Rumah Baharu terhadap taraf hidup asnaf.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tiga metode utama, iaitu analisis kandungan, tinjauan literatur, dan temubual *purposive* yang dijalankan secara individu dan berkelompok. Temubual secara *purposive* dipilih dalam kajian ini kerana sampel yang dipilih mempunyai maklumat yang ingin diketahui oleh penyelidik dan mempunyai perkembangan serta perjalanan sesuatu isu secara detail dan mengelak dari maklumat yang bertindan (Merriam, 2001).

Seterusnya, temubual secara individu dan berkelompok turut dijalankan ke atas peserta dalam kalangan pegawai yang terlibat dalam proses saringan permohonan sehingga ke peringkat pemantauan pembinaan rumah bantuan bagi mendapatkan perspektif dan pengalaman secara tepat. Temubual turut dijalankan ke atas amil lantikan MAIPs serta penerima-penerima bantuan dalam dua kategori iaitu bantuan baik pulih dan bantuan rumah baru.

Peserta temubual bagi kajian ini melibatkan empat jenis kategori responden, iaitu:

- Kategori pertama ialah pegawai yang bertanggungjawab dalam pemilihan kelayakan, iaitu Ketua Bahagian Pengurusan Zakat, Tuan Syed Aisam Bin Syed Idris Al-Habshe.
- Kategori kedua melibatkan temubual secara berkelompok (*focus group*) ke atas pegawai-pegawai Unit Hartanah MAIPs, yang terdiri daripada Puan Nor



Hayati Ramli, Penolong Jurutera MAIPs En. Zulkiffle bin Yaacob, dan En. Muhd Fahmi Fadhli bin Salehuddin.

- Kategori ketiga ialah amil yang dilantik oleh MAIPs, iaitu individu yang bertanggungjawab mengurus bantuan-bantuan zakat di peringkat kampung.
- Kategori keempat terdiri daripada penerima rumah bantuan MAIPs, meliputi penerima bantuan rumah baru dan penerima bantuan baik pulih rumah.

Kaedah temubual yang digunakan dalam kajian ini adalah sejajar dengan amalan penyelidikan kualitatif yang mengutamakan pemilihan informan berdasarkan peranan dan pengalaman yang relevan dengan objektif kajian. Temubual mendalam dan temubual kumpulan fokus merupakan teknik utama dalam pengumpulan data kualitatif kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh maklumat yang kaya, mendalam, dan pelbagai perspektif daripada peserta yang terlibat secara langsung dalam isu yang dikaji (Kamarul Azmi Jasmi, 2012)

Penggunaan pelbagai kategori peserta seperti pegawai, amil, dan penerima bantuan adalah selari dengan saranan Noraini (2010) dan Titchie & Lewis (2003), yang menekankan kepentingan mendapatkan data dari pelbagai sumber bagi memastikan maklumat yang diperoleh lebih kaya dan menyeluruh.

Akhir sekali, analisis kandungan dilakukan bagi meneliti data yang diperoleh daripada sumber-sumber relevan seperti dokumen, artikel, dan laporan berkaitan. Seterusnya, tinjauan literatur dijalankan untuk memahami perspektif teori dan kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik ini.

LATAR BELAKANG BAITUL MAL DAN MAIPs

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah secara rasmi ditubuhkan pada 1 Februari 1948 setelah diperkenan oleh raja ke 6 negeri Perlis iaitu Al-Marhum Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail. Peristiwa bersejarah ini berlaku selepas Perlis menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Januari 1948. Sebelum pada itu, pada tahun 1920, pertubuhan ini dinamakan sebagai Majlis Agama Islam Perlis. Ditubuhkan oleh Al-Marhum Tuanku Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Saffi Jamalullail (Fatimah et al, 2012; Mohd Nazim, 2017; Asni et al, 2021).

Pada peringkat awal, MAIPs terdiri daripada tiga Jawatankuasa utama, iaitu Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Mahkamah Kadi, dan Jawatankuasa Ulangbicara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs). Selepas 15 tahun MAIPs berperanan dalam menguruskan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis, pada tahun 1963, satu pindaan telah dilakukan ke atas Fasal 4 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis No. 3. Pindaan ini diluluskan untuk mewujudkan baitulmal sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan ekonomi umat Islam. Fungsi baitulmal mula dilaksanakan setahun selepas itu, iaitu pada tahun 1964. Pindaan tersebut telah memperkukuhkan kedudukan baitulmal, membolehkannya beroperasi dengan lebih efisien dan memikul tanggungjawab besar dalam merealisasikan



agenda pembangunan sosio-ekonomi umat Islam, terutamanya di negeri Perlis (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis (Pindaan 2006), Fasal 4).

MAIPs dibawah pimpinan DYTU Tuan Syed Faizuddin Putra Ibni Tuan Syed Sirajuddin Jamalullail sebagai yang dipertua telah melaksanakan perubahan dan transformasi (Transformasi di MAIPs dilakukan secara berfasa dan bermula pada tahun 2011 hingga 2020) seiring dengan peredaran zaman (Marina et al, 2020). Antara perubahan ialah memperkemas struktur organisasi dengan mewujudkan tiga bahagian utama dalam pentadbiran iaitu:

- a) Bahagian Khidmat Pengurusan & Keurusetiaan
- b) Bahagian Pengurusan Zakat
- c) Bahagian Pembangunan Wakaf dan Hartanah Mal

Segala pengurusan berkaitan zakat dan pengagihan diletakkan di Bahagian Pengurusan Zakat yang diketuai oleh seorang ketua bahagian dan dibantu oleh dua unit iaitu Unit Kutipan dan Pengagihan (Nur Nasuha, Marina Zulkifli & Syed Aisam, 2023). Dengan transformasi yang telah dijalankan, maka MAIPs merupakan badan yang bertindak sebagai baitulmal dapat menjalankan urusan kutipan dan pengagihan dengan lebih efisien.

Hasil daripada transformasi pengurusan organisasi ini, MAIPs telah mencapai perubahan positif dalam pengurusan zakat, wakaf, dan sumber am. Pelbagai Skim Agihan Zakat telah diperkemas, di samping memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk membantu warga asnaf yang memerlukan santunan dan bantuan daripada MAIPs (Mohd Nazim, 2017).

ASNAF DALAM ISLAM

Asnaf atau penerima zakat telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran iaitu lapan (8) golongan yang digariskan melalui firmanNya dalam surah al-Taubah ayat 60 bermaksud:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Taubah, 9: 60)

Berdasarkan petikan ayat al-Quran di atas, Allah SWT secara jelas menyenaraikan lapan asnaf yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'*



(orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), *amil*, *muallaf* yang perlu dijinakkan hatinya, *Al-Riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Di dalam ayat ini, ianya secara jelas menyentuh aspek berkaitan pengagihan zakat berbanding permasalahan dalam menentukan sumber zakat yang turut memperincikan arahan (Noor Azlan & Nor Aini, 2023).

Mujaini (2005) telah mengklasifikasikan semula lapan bahagian tersebut kepada tiga kategori atau asas agihan iaitu:

- a. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba, si berhutang dan ibn sabil.
- b. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Ia termasuklah *muallaf dan fi-sabilillah*.
- c. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Ia termasuklah *amil*.

Kategori Mujaini di atas bertujuan sebagai asas utama kepada pihak *amil* mendefinisikan dan mengagihkan kepada setiap asnaf yang telah dinyatakan (Hairunnizam, Sanep Ahmad & Radiah, 2010).

SKIM AGIHAN ZAKAT BANTUAN ZAKAT NEGERI PERLIS

Agihan skim bantuan zakat oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memainkan peranan penting dalam memastikan kebajikan golongan asnaf di negeri Perlis terpelihara. Sebanyak 14 skim agihan zakat kepada lapan golongan asnaf telah disediakan kepada penerima yang layak (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis [MAIPs], 2025). Iaitu:

- a. Skim Agihan Sara Hidup iaitu bantuan dalam bentuk wang tunai atau cek. Skim ini diperuntukan kepada fakir, miskin dan *muallaf* yang menghadapi masalah kekurangan atau terputus kewangan untuk menuruskan hidup. Bantuan ini diberikan dalam bentuk *One Off*.
- b. Skim Agihan Sarahidup Bulanan dalam bentuk wang tunai atau cek. Skim ini diperuntukan kepada fakir dan miskin yang menghadapi masalah Kesihatan yang kronik dan tiada pendapatan untuk menyara kehidupan.
- c. Skim Agihan perubatan yang diperuntukkan kepada fakir, miskin, *muallaf*, *fi-sabilillah* dan *ibn al-sabil*. Objektif skim agihan ini adalah bertujuan membiayai kos rawatan, ubat-ubatan dan pembelian peralatan sokongan. Bantuan ini diberikan dalam bentuk wang tunai atau cek.



- d. Skim Agihan Persekolahan Rendah /menengah yang disediakan kepada anak-anak dalam golongan fakir, miskin dan muallaf. Pihak MAIPs dengan Kerjasama pihak sekolah mengagihkan bantuan dalam bentuk wang tunai, cek atau baucer.
- e. Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf yang disediakan kepada fakir, miskin dan muallaf. Skim ini membantu para asnaf terpilih dengan menyediakan modal untuk mereka memulakan/memantapkan perniagaan atau membeli peralatan berkaitan pertanian penternakan dan perikanan.
- f. Skim Agihan Bekalan Elektrik/Air. Ini disediakan kepada fakir, miskin dan muallaf untuk membantu mereka membayar deposit elektrik dan belakan air.
- g. Skim Agihan Baik Pulih Rumah/Bina Baru. Skim ini diperuntukkan kepada fakir, miskin dan muallaf untuk membaik pulih rumah yang telah rosak terus melebihi 70% atau membina rumah baru untuk mereka. Kaedah bantuan ini adalah dengan melantik kontraktor berdaftar dengan MAIPs dan bayaran dibuat terus kepada kontraktor.
- h. Skim Agihan Mikro Baik pulih rumah. Skim bantuan ini disediakan kepada fakir, miskin dan muallaf untuk membaiki rumah yang rosak dengan syarat tidak melebihi 70% kerosakan. Skim ini dikendalikan secara langsung oleh pihak masjid kariah yang terlibat dengan pemantauan pihak MAIPs. Lantikan kontraktor juga adalah dibawah kuasa pihak masjid kariah.
- i. Skim Agihan Bencana. Skim ini memberi fokus kepada kejadian yang menimpa asnaf fakir, miskin dan muallaf mungkin disebabkan bencana lama sekitar seperti banjir, ribut, kebakaran atau lain-lain. Bantuan ini mungkin berupa wang tunai/cek atau membaik pulih rumah yang terjejas disebabkan alam sekitar.
- j. Skim Kecemasan *Ibnu sabil*. Bantuan ini disediakan kepada golongan *Ibnu sabil* dan *Fi Ar Riqab* yang memerlukan bantuan serta merta disebabkan kejadian yang menimpa golongan ini secara tiba-tiba seperti diberhentikan kerja secara tiba-tiba, dipaksa bayar hutang dengan segera (*al-Gharimin*), muallaf yang disingkir dari keluarga dan lain-lain keadaan yang mendesak.
- k. Skim Saguhati Motivasi Memeluk Islam. Skim bantuan ini diperuntukkan khas kepada muallaf yang memeluk Islam di bawah kendalian Jabatan Hel Ehwat Agama Islam Perlis (JAIPs). Bantuan ini adalah berbentuk wang tunai berjumlah RM 3000.00.
- l. Skim Agihan Pelajaran Serta Merta IPT. Skim ini disediakan kepada asnaf *Fi Sabillillah* dengan objektif membantu para anak negeri Perlis yang



melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi. Bantuan kewangan ini pada kadar RM1200 sehingga RM2500 berdasarkan peringkat pengajian.

- m. Skim Agihan Zakat Pelajaran Dermasiswa Luar Negara (Timur tengah). Skim ini merupakan skim khusus yang diperuntukkan kepada anak-anak negeri Perlis yang menyambung pengajian ke negara-negara timur tengah. Bantuan secara *One Off* ini berikan untuk satu tahun sahaja. Bantuan untuk golongan *Fi Sabilillah* ini berjumlah RM 6000.00/pelajar.
- n. Skim Agihan Aktiviti Dakwah dan Kemasyarakatan MAIPs. Bantuan ini diperuntukkan kepada institusi keagamaan yang termasuk dalam kategori asnaf *Fi Sabilillah* dan Muallaf. Institusi atau badan dakwah layak memohon skim ini dengan syarat mereka berdaftar dengan pihak berkuasa dan aktif menjalankan aktiviti dakwah.

Pengagihan skim zakat kepada asnaf MAIPs boleh di lihat dengan jelas seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Skim Bantuan Zakat Asnaf MAIPs

No.	Asnaf	Skim Agihan yang Disediakan
1 & 2	Fakir dan Miskin	Skim Agihan Sara Hidup (<i>One Off</i>), Skim Agihan Sara Hidup Bulanan, Skim Agihan Perubatan, Skim Agihan Persekolahan Rendah/Menengah, Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi, Skim Agihan Bekalan Elektrik/Air, Skim Agihan Baik Pulih Rumah/Bina Baru, Skim Agihan Mikro Baik Pulih Rumah, Skim Agihan Bencana.
3	Muallaf	Skim Agihan Sara Hidup (<i>One Off</i>), Skim Agihan Perubatan, Skim Agihan Persekolahan Rendah/Menengah, Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi, Skim Agihan Bekalan Elektrik/Air, Skim Agihan Baik Pulih Rumah/Bina Baru, Skim Agihan Mikro Baik Pulih Rumah, Skim Agihan Bencana, Skim Saguhati Motivasi Memeluk Islam
4	<i>Gharimin</i>	Skim Kecemasan <i>Ibnu sabil</i> (sebahagian untuk <i>Gharimin</i>)
5	<i>Ibnu sabil</i>	Skim Agihan Perubatan, Skim Kecemasan <i>Ibnu sabil</i>
6	<i>Fi Sabilillah</i>	Skim Agihan Perubatan, Skim Agihan Pelajaran Serta Merta IPT, Skim Agihan Zakat Pelajaran Dermasiswa Luar Negara, Skim Agihan Aktiviti Dakwah dan Kemasyarakatan
7	<i>Fi Al-Riqab</i>	Skim Kecemasan <i>Ibnu sabil</i> (sebahagian untuk <i>Fi Al-Riqab</i>)
8	Amil	Peruntukan untuk Amil biasanya sekitar 5-10% daripada jumlah zakat

Sumber: MAIPs



SKIM AGIHAN RUMAH BAIK PULIH DAN RUMAH BARU

Di bawah skim ini, asnaf terpilih akan menerima sama ada rumah baru atau baik pulih rumah yang telah terlalu uzur atau mengalami kerosakan yang teruk lebih dari 70%. (MAIPs, t.th). Bahagian pengagihan zakat MAIPs telah menetapkan bahawa setiap kariah melalui amil yang ditugaskan boleh mengantar permohonan untuk dua buah balik dan dua rumah baru (2:2). Ini bermakna setiap tahun permohonan untuk kedua-dua kategori rumah tersebut boleh mencecah 408 buah rumah (Syed Aisam, temu bual, 20 Nov 2024). Sistem permohonan 2:2 menunjukkan perubahan dari sistem lama yang 1:2:5 di mana satu kariah boleh menghantar permohonan untuk dua rumah baru dan lima rumah baik pulih (Siti Fatimah et. al, 2012). Data terkini menunjukkan jumlah amil yang dilantik diseluruh negeri perlis ialah 104 orang yang mewakili 99 buah kampung di perlis (MAIPs, t.th)

Dari sudut kelayakan pula, penerima bantuan merangkumi warganegara Malaysia beragama Islam yang bermastautin di Perlis serta tidak mempunyai pendapatan mencukupi atau harta yang mencapai separuh haddul kifayah. Pemohon mestilah memenuhi syarat tertentu seperti tidak memiliki rumah lain, berusia 35 tahun ke atas kecuali dalam kes tertentu. Antara syarat yang dikenakan oleh pihak MAIPs bagi permohonan rumah baru ialah salinan geran tanah atau dokumen yang sah disisi undang-undang seperti akuan sumpah dan laian yang menunjukkan kebenaran mendirikan rumah di tanah atau yang ditelah dikenal pasti. Ini berikutan banyak isu yang timbul di pihak pemohonan yang berkongsi tanah dengan ahli keluarga mereka atau dengan orang lain (Syed Aisam, temu bual, 20 Nov 2024).

Kos pembinaan rumah sebuah rumah baru adalah RM 63000 sementara RM 50000 diperuntukkan untuk rumah baik pulih (Syed Aisam, temu bual, 20 Nov 2024; Unit Hartanah, temu bual, 20 Nov 2024). Terdapat peningkatan kos pada kedua-dua kategori rumah ini. Siti Fatimah et. al (2012) menyatakan peruntukan pembinaan rumah baru pada tahun 2012 adalah sebanyak RM 28000, manakala peruntukan baik pulih rumah adalah RM19000 sahaja. Ini menunjukkan dalam masa 12 tahun kos pembinaan rumah baru dan balik pulih rumah telah meningkat sebanyak 38%- 44%.

Dari sudut prosedur pula, pihak amil kariah perlu mengenal pasti asnaf yang mempunyai kelayakan dan keutamaan diberikan kepada asnaf yang betul-betul memerlukan. Seterusnya, setiap permohonan dibincangkan dan dipilih dalam Mesyuarat Jawankuasa Kariah Masjid sebelum diserahkan kepada pihak MAIPs (Syed Aisam, temu bual, 20 Nov 2024) Setiap permohonan yang layak seterusnya di bawa kepada Unit Hartanah untuk proses penilaian dan jurutera yang terlibat akan memberi keputusan berdasarkan lawatan tapak yang dijalankan (unit hartanah, temu bual, 20 Nov 2024). Pelaksanaan permohonan pada tahun semasa akan dijalankan pada tahun berikutnya.



ANALISIS DATA SKIM BANTUAN RUMAH BARU DAN BALIK PULIH TAHUN 2020-2024

Dapatan kajian menunjukkan Bahagian Pengurusan Zakat MAIPs telah melaksanakan agihan sumbangan zakat melalui Skim Baik Pulih dan Bina Baru kepada golongan asnaf bermula 2020 sehingga 2024 berjumlah RM53,304,797.50 bersamaan 1447 buah rumah. Perincian sepertimana dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Peruntukan Kewangan Dan Jumlah Rumah Bantuan

Tahun	Jumlah Unit Baik Pulih	Kos Baik Pulih (RM)	Jumlah Unit Rumah Baru	Kos Rumah Baru (RM)	Baik Pulih + Rumah Baru	Jumlah (RM)	Kos
2020	187	3,529,520.00	114	5,280,621.00	301	8,810,141.00	
2021	142	2,996,818.00	85	3,972,785.00	227	6,969,603.00	
2022	151	3,726,911.00	99	5,247,000.00	250	8,973,911.00	
2023	180	5,006,911.70	108	5,649,347.00	288	10,656,338.70	
2024	237	8,454,536.80	144	9,440,267.00	381	17,894,803.80	
JUMLAH	897	23,714,697.50	550	29,590,020.00	1447	53,304,797.50	

Sumber: MAIPs

PERANAN MAIPs

MAIPs menunjukkan komitmen yang kukuh dalam membantu golongan asnaf melalui peningkatan jumlah projek dan peruntukan kewangan dari tahun ke tahun. Walaupun terpaksa mengeluarkan jumlah kewangan yang besar rentetan dari permohonan yang meningkat setiap tahun ditambah pula dengan kos bahan binaan yang turut menyumbang kepada peningkatan kos, MAIPs memainkan peranan yang penting dalam usaha menaik taraf kehidupan sosial melalui bantuan ini.

Projek baik pulih mendapat permohonan yang lebih tinggi iaitu 897 berbanding bina baru sebanyak 550, mencerminkan strategi untuk memaksimumkan penggunaan rumah sedia ada. Walau bagaimanapun, kos rumah baru telah menelan belanja sebanyak RM 29,590,020.00 berbanding kos baik pulih sebanyak RM 23,714,697.50 dan kos keseluruhan adalah RM 53,304,797.50. Kos yang tinggi ini menunjukkan komitmen yang jitu dari MAIPs dalam memastikan golongan asnaf terbelah dari sudut kesejahteraan sosial dengan menyedia ini mendapat rumah yang baik untuk didiami.

ANALISIS TREND


Berdasarkan data yang diperolehi iaitu bermula pada tahun 2020, unit rumah yang telah berjaya dibaiki iaitu 187 unit kemudian mencatat penurunan kepada 142 unit. Begitu juga pada jumlah binaan rumah baru di mana sebanyak 114 unit rumah telah berjaya disiapkan pada 2020 kemudian jumlah ini menurun kepada 85 pada tahun

2021. Penurunan ini disebabkan kekangan pergerakan dan urusan di mana rakyat Malaysia dikenakan perintah kawalan pergerakan kerana dilanda COVID-19.

Bermula tahun 2022, terdapat peningkatan dari sudut jumlah unit yang telah dibaiki serta rumah baru disiapkan. Daripada sudut kenaikan jumlah rumah yang diperbaiki, terdapat peningkatan sebanyak 63.7% dalam masa tiga tahun di mana jumlah rumah yang ditelaah dibaiki pada tahun 2022 adalah sebanyak 151 buah dan sentiasa meningkat hingga ke tahun 2024 sebanyak 237 buah rumah. Peningkatan jumlah binaan rumah baru juga nampak ketara bermula pada tahun 2022 sebanyak 99 buah hingga mencecah 144 buah rumah pada tahun 2024 dan jumlah peningkatan dari sudut peratusan adalah sebanyak 68.75%.

Secara keseluruhan, bermula tahun 2020 sehingga tahun 2024, jumlah rumah baik pulih dan rumah (jika dijumlahkan) sentiasa meningkat walaupun mencatat sedikit penurunan pada tahun 2021. Sementara Tahun 2024 mencatatkan peningkatan terbesar dalam kedua-dua jumlah projek. Jumlah projek baik pulih dan bina baru (keseluruhan) meningkat dari 301 (2020) kepada 381 (2024), iaitu peningkatan sebanyak 26.6% dalam tempoh 5 tahun. Peningkatan ini sedikit sebanyak memberi gambaran kepada peningkatan jumlah asnaf di negeri Perlis. Graf 1 di bawah menunjukkan tren kenaikan bermula 2020-2024.

Graf 1: Statistik Rumah Baik Pulih & Rumah baru



PERUNTUKAN KEWANGAN BAIK PULIH

PERUNTUKAN untuk baik pulih meningkat dari RM 3,529,520.00 (2020) kepada RM 8,454,536.80 (2024), iaitu peningkatan sebanyak 139.5%. Tahun 2024 mencatatkan peruntukan tertinggi, menunjukkan komitmen yang lebih besar untuk membaik pulih rumah sedia ada. Graf 2 di bawah jelas menunjukkan peningkatan dari sudut kewangan susulun dari peningkatan permohonan baik pulih rumah.

Graf 2: Statistik Peruntukan Kewangan Rumah Baik Pulih



PERUNTUKAN KEWANGAN RUMAH BARU

Peruntukan untuk bina baru juga meningkat secara signifikan dari RM 5,280,621.00 (2020) kepada RM 9,440,267.00 (2024), iaitu peningkatan sebanyak 78.8%. Tahun 2024 mencatatkan peruntukan tertinggi, mencerminkan keperluan yang semakin meningkat untuk rumah baharu dan kesungguhan MAIPs menghulur bantuan kepada asnaf yang memerlukan rumah. Dengan peningkatan jumlah unit baik pulih dan rumah baru setiap tahun, dana yang digunakan juga meningkat secara signifikan. Total kos meningkat dari RM 8,810,141.00 (2020) ke RM 17,894,803.80 (2024).

Data kajian juga menunjukkan kesedaran golongan asnaf tentang kewujudan skim zakat ini. Faktor ini didorong oleh sikap pro aktif pada amil yang bertugas pada kawasan masing-masing untuk menyalurkan bantuan dari sudut maklumat dan memudahkan urusan para pemohon. Graf 3 di bawah ini menunjukkan peningkatan kewangan yang dikeluarkan oleh MAIPs untuk rumah baru.


Graf 3: Peruntukan Kewangan Rumah Baru



Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan MAIPs telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan taraf kehidupan golongan asnaf terjamin dengan

memperuntukkan jumlah agihan yang besar dalam skim bantuan baik pulih dan rumah baru asnaf. Dengan peningkatan kos yang meninggkat saban tahun disebabkan faktor kenaikan permohonan yang tinggi ditambah dengan faktor kenaikan harga barang, MAIPs dilihat konsisten dalam memastikan golongan asnaf ini terbela dari sudut kehidupan sosial. Graf 4 di bawah menunjukkan peruntukan kewangan yang telah dikeluarkan oleh MAIPs bagi kedua-dua skim bantuan yang menjadi subjek kajian

Graf 4: Jumlah Keseluruhan Peruntukan Kewangan



KESIMPULAN

Statistik dari tahun 2020 hingga 2024 menunjukkan bahawa MAIPs telah berjaya melaksanakan projek baik pulih dan bina baru dengan impak yang signifikan. Data-data kajian juga menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memperkasa kesejahteraan sosial asnaf melalui pengagihan zakat dalam bentuk bantuan skim baik pulih dan rumah baru. Walaupun terdapat cabaran seperti peningkatan keperluan atau golongan-golongan baru asnaf dan kos bahan binaan, MAIPs terus menunjukkan komitmen yang tinggi dalam membantu golongan asnaf. Dengan penambahbaikan yang berterusan, MAIPs boleh terus memainkan peranan penting dalam menyediakan perumahan yang berkualiti kepada masyarakat memerlukan.

PENGHARGAAN

Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE) - Penganugerahan geran penyelidikan STG 052 (2024)



RUJUKAN

Al-Quran al-Karim dan terjemahan ayat (M. Word. Ver. 3.0)

Abu Bakar, M., Ahmad, S., Salleh, A. D., & Nohd Salleh, M. F. (2020). Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Transformation of Waqf Governance by Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs). *Sains Insani*, 5(1), 212-224.

Alias, H. M. H., & Osman, M. F. (2022, October). Keberdayaan Baitulmal Dalam Menangani Permasalahan Sosioekonomi Ummah. Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Konvensyen Baitulmal Kebangsaan*.

Asni, F. (2021). Pengurusan Kutipan Dan Agihan Zakat Oleh Maips Ketika Covid-19 Di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian: Management of Zakat Collection And Distribution By Maips During Covid-19 In Perlis: A LITERATURE REVIEW. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 4(2 December), 1-13.

Hazman Hassan, I. I. (2022). Al-Sunnah Dalam Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022) (pp. 396-409). Nllai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Ismail, M. N. M., & Ali, N. A. (2023). Konsep Asnaf Mualaf dan Had Pengukuran Mualaf: Asnaf Mualaf Concept and Mualaf Measurement Limits. *Albasirah Journal*, 13(1), 25-41.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.

Mujaini, T. (2005) *Golongan Penerima Zakat. Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Penerbit UiTM

Musliman, A. R., & Zakaria, Z. (2023). Analisa Literatur Mengenai Kajian Tentang Masalah Baitulmal Dalam Pengurusan Harta Pusaka Tak Alih Di Negeri Johor (Literature Analysis on The Study on Baitulmal Problems in The Management of Immovable Estates in The State of Johor). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(1), 35-45.

Noraini, I. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd

NurFatin, H.M.N. 2021. The Impact of Skim Bantuan Rumah Lembaga Zakat Negeri Kedah To Asnaf In Kubang Pasu. Universiti Utara Malaysia



Siti Fatimah Binti Sudin, K. B. (2012). Sumbangan Baitulmal dalam Pembangunan Ekonomi Ummah: Kajian Baitulmal Negeri Perlis. Simposium Nusantara 9 (pp. 586-592). Perak: UITM (PERAK).

Titchie, J & Lewis, J (2003) *Qualitative Research Practice; A Guide for Social Science and Researchers*, Sage Publication Ltd, dari https://mthoyibi.files.wordpress.com/2011/10/qualitative-researchpractice_a-guide-for-social-science-students

Wahid, H., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 141-170.

Zulkifli, N. N., Bakar, M. A., & Al-Habshe, S. A. S. I. (2023). The Metamorphosis of Zakat Management in Perlis: Analysis of Literature and Historical Review. *International Journal of Academic Research in Economics and Management and Sciences*, 12(2), 410 – 415.

Enakmen

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis (Pindaan 2006)

Laman sesawang

Majlis Agama Dan Istiadat Melayu Perlis - Skim Bantuan Zakat MAIPs/ 25 Februari 2025

Majlis Agama Dan Istiadat Melayu Perlis - Latar Belakang/ 25 Februari 2025

Majlis Agama Dan Istiadat Melayu Perlis - Transformasi MAIPs/ 25 Februari 2025

Temubual:

Temubual dengan Tuan Syed Aisam Bin Syed Idris Al-Habshe, Ketua Bahagian Pengurusan Zakat MAIPs, 28 Oktober 2024, jam 10 pagi

Temu bual berkelompok bersama Puan Nor Hayati Ramli (Ketua Unit Hartanah MAIPs), En. Zulkiffle bin Yaacob dan En. En. Muhd Fahmi Fadhli bin Salehuddin (Penolong Jurutera MAIPs). 28 Oktober 2024, jam 3.00 petang